

29 DEC 1996

Pengguna

BARANG MAHAL MENJELANG TAHUN MELAWAT TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 29 Dis (Bernama) -- Tahun Melawat Terengganu 1997 akan tercemar jika peniaga di negeri ini mengenakan harga tinggi untuk barangan tarikan pelancong, kata Persatuan Pengguna Terengganu.

Setiausaha persatuan itu, Encik Othman Abdullah memberitahu pemberita hari ini bahawa antara barangan yang harganya semakin meningkat ialah cenderamata.

"Kalau hendak tarik pelancong kenalah harga barang berpatutan, mudah-mudahan mereka datang lagi pada lain masa," katanya.

Othman berkata ada juga kes jualan murah untuk kain sutera tetapi mutunya kurang baik.

"Ia satu perbuatan yang tidak jujur dan ikhlas," kata beliau sambil berharap peniaga tidak mengelirukan pembeli kerana perbuatan seumpama itu boleh menjejaskan nama baik negeri serta menjejaskan program Tahun Melawat Terengganu.

Beliau juga berkata kebersihan kedai makan dan persekitarannya masih lagi belum memuaskan.

Othman berkata terdapat sesetengah tempat pelancongan seperti kawasan perkelahan Sekayu yang kebersihannya masih tidak terjaga.

"Sampah sarap peninggalan pelancong terbiar di situ," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Tahun Melawat Terengganu di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini Rabu ini. -- BERNAMA

IB MAI